

Tapak buang sampah haram diserbu DBKL

- Tiga kenderaan turut disita di kawasan itu
- Lapan notis kompaun dikeluarkan DBKL di Bukit Bintang

PETALING JAYA – Lapan notis kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap pihak yang terbabit dengan aktiviti di tapak pembuangan sampah haram di sekitar Bukit Bintang kelmarin.

Notis atas pelbagai kesalahan dikeluarkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 susulan operasi bersepadu ke atas tapak pembuangan haram (Illegal Dumping).

Kata kenyataan DBKL, pihaknya turut mengeluarkan dua notis penguatkuasaan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982.

Selain itu kata DBKL, empat notis pemberitahuan tentang kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pem-

bersihan Awam 2007 juga telah dikeluarkan ke atas tapak aktiviti pembuangan tersebut.

“Tapak pembuangan tersebut juga telah diberikan Notis Pemberhentian Kerja serta-merta dan tiga buah kenderaan telah dikenakan tindakan sita.

“Kesemua kenderaan yang disita telah di bawa ke Depoh Tunda DBKL, Sentul, Kuala Lumpur,” kata kenyataan itu kelmarin.

Mengulas lanjut, DBKL berkata, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di kawasan Bukit Bintang itu.



TAPAK pembuangan sampah haram di Bukit Bintang yang diserbu DBKL kelmarin.